

Sedekah Dalam Bulan Ramadhan

عَنْ زَيْدِ بْنِ خَالِدٍ الْجُهَنِيِّ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَنْ فَطَرَ صَائِمًا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِهِ، غَيْرَ أَنَّهُ لَا يَنْقُصُ مِنْ أَجْرِ الصَّائِمِ شَيْئًا

Daripada Zaid bin Khalid al-Juhani berkata: Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda: “Sesiapa yang memberi makan orang berpuasa untuk berbuka, dia akan mendapat pahala seperti orang yang berpuasa itu tanpa mengurangkan sedikit pun pahala orang tersebut berkurang sedikit pun pahala itu.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 807)

Bersedekah merupakan amalan mulia yang dianjurkan dalam Islam. Antara ibadah sunnah yang boleh kita laksanakan untuk menambah amalan kita dalam bulan puasa ialah dengan bersedekah. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* sangat pemurah dan lebih dermawan, lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini.

Daripada Ibnu Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَلَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

Maksudnya: “Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah orang yang paling pemurah dalam melakukan kebaikan dan baginda menjadi lebih pemurah pada bulan Ramadhan ketika Jibril menemuinya, Jibril menemuinya setiap malam dalam bulan Ramadhan dan mengajarkan (mударасаh) al-Quran kepadanya. Maka Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* lebih pemurah dalam melakukan kebaikan daripada angin yang bertiup kencang.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 3220)

Bulan Ramadhan merupakan bulan penuh keistimewaan yang telah dianugerahkan oleh Allah *Subhanahu wata'ala* kepada umat Islam. Bulan ini penuh dengan keutamaan dan ganjaran yang besar daripada-Nya kerana setiap amalan akan digandakan ganjarannya. Salah satu ibadah yang dapat kita lakukan untuk menambahkan amalan dalam bulan Ramadhan ini adalah dengan memperbanyakkan sedekah.

Amalan sedekah zahirnya mudah dilakukan, akan tetapi sifat dermawan yang terbit dari hati itu menjadi persoalan seperti adakah amalan sedekah yang kita lakukan itu mencapai keikhlasan atau tidak lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadhan. Terdapat beberapa kelebihan amalan bersedekah yang akan dikongsikan di dalam penulisan ringkas ini.

Pertama: Sedekah Menggandakan Pahala

Allah *Subhanahu wata'ala* memerintahkan kepada semua hamba-Nya yang beriman untuk bersedekah daripada harta-harta yang telah diberikan. Firman Allah *Subhanahu wata'ala*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاكُمْ مِّن قَبْلِ أَن يَأْتِيَكُمْ يَوْمٌ لَا بَيْعَ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفْعَةٌ ۚ وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٢٥٤﴾

Maksudnya: “Wahai mereka yang beriman, berbelanjalah (ke jalan Allah) sebahagian daripada rezeki yang telah Kami berikan kepada kamu sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada lagi jual beli, tidak ada persahabatan (yang memberikan pertolongan) dan tidak ada pula syafaat! Dan orang kafir itulah mereka yang zalim.”

(Surah al-Baqarah 2:254)

Firman Allah *Subhanahu wata'ala* lagi,

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَتْ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِّائَةُ حَبَّةٍ ۗ وَاللَّهُ يُضْعِفُ لِمَن يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

Maksudnya: “Perumpamaan (derma dan nafkah yang dikeluarkan oleh) mereka yang membelanjakan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir benih yang menumbuhkan tujuh tangkai dan pada setiap tangkai terdapat seratus biji. Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Maha Mengetahui.”

JABATAN MUFTI SARAWAK

(Surah al-Baqarah 2:261)

Ayat ini menjelaskan antara perkara yang paling bermanfaat bagi orang beriman ialah berinfak di jalan Allah *Subhanahu wata'ala*. Perumpamaan orang beriman yang membelanjakan harta mereka di jalan Allah *Subhanahu wata'ala* adalah seperti sebutir benih yang ditanam di tanah yang subur. Benih itu kemudian tumbuh dan mengeluarkan batang (dahan) yang bercabang menjadi tujuh tangkai, setiap tangkai memiliki seratus butir benih. Allah *Subhanahu wata'ala* melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya bergantung kepada keimanan dan keikhlasan hati si pemberi. Ketahuilah bahawa kurniaan Allah *Subhanahu wata'ala* itu

luas dan Dia Maha Mengetahui siapa yang berhak menerimanya serta mengetahui niat-niat hamba-Nya.

Kedua: Sedekah Menghapuskan Dosa-Dosa Kecil

Sedekah bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima, bahkan ia juga menjadi sebab mendapat keampunan dosa-dosa kecil bagi pemberi sedekah. Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Mu'az bin Jabal ketika bertanya kepada Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam* tentang amalan agar dia dapat masuk dalam syurga dan dijauhkan dari neraka, lalu baginda bersabda:

...وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ...

Maksudnya: “Dan (amalan) bersedekah dapat menghapuskan dosa sebagaimana air memadamkan api.”

(Hadis Riwayat at-Tirmizi, no. 2616)

Hadis ini menekankan keutamaan bersedekah dalam membersihkan dosa. Sebagaimana air mampu memadamkan api, sedekah juga dapat menghapuskan dosa (kecil) dan kesalahan yang telah dilakukan. Ini menunjukkan betapa besar manfaat dan ganjaran bersedekah dalam kehidupan seorang Muslim.

Ketiga: Sedekah Sebagai Perisai Api Neraka

Amalan bersedekah dapat menjadi benteng daripada azab api neraka dan membawa keselamatan di akhirat.

اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ، فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فَبِكَلِمَةٍ طَيِّبَةٍ

Maksudnya: “Peliharalah diri kamu daripada api neraka walaupun (dengan bersedekah) sebutir kurma. Jika tidak menemui (sesuatu untuk disedekahkan), maka (cukup) dengan kata-kata yang baik.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 6023)

Hadis ini mengajar kita tentang kepentingan bersedekah dan berbuat kebaikan, walaupun dengan sesuatu yang kecil. Jika seseorang tidak mampu bersedekah dengan harta, sekurang-kurangnya dia boleh menyebarkan kata-kata yang baik kerana itu juga merupakan salah satu bentuk sedekah yang boleh mendatangkan pahala dan menghindarkan daripada azab neraka.

Semoga dengan perkongsian ini memberi motivasi agar kita dapat mengikut sifat Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang sangat pemurah dan tidak bakhil dalam membelanjakan harta di jalan Allah *Subhanahu wata'ala*.

Wallahua'lam.

